

DATE: 2 / 10 / 2007

# Scorpene dinamakan KD Tunku Abdul Rahman

Daripada SAMSOR JUNET

CHERBOUG (Perancis) 23 Okt. - Kapal selam pertama negara, Scorpene secara rasmi dinamakan Kapal Diraja (KD) Tunku Abdul Rahman bagi mengenang jasa Perdana Menteri Malaysia pertama yang juga Bapa Kemerdekaan.

Penamaan kapal selam buatan Perancis dan Sepanyol itu disempurnakan oleh isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dalam satu majlis di Limbungan DCN Syipyard International (DCNS) di sini tengah hari ini dengan melepaskan botol kristal mengandungi air Yasin pada kapal selam tersebut.

Sejurus itu lampu limpah dihalakan ke arah nama Tunku Abdul Rahman yang terletak di sisi atas kapal selam tersebut yang berharga RM1.3 bilion.

Turut menyaksikan acara bersejarah itu ialah Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut hadir, Menteri Pertahanan Perancis, Herve Morin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal, Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali, Ketua Pasukan Projek Angkatan Kapal Selam TLDM, Laksamana Pertama Mohamad Rosland Omar dan Pengerusi DCNS, Jean-Marie Poimboeuf.

Dalam ucapannya, Najib menyifatkan kehadiran kapal selam itu merupakan era baru kepada Malaysia bukan sahaja dalam konteks untuk mempertahankan kedaulatan negara malah menjamin keselamatan serantau terutama di perairan Selat Melaka.

Beliau berkata, negara terpaksa melalui

perjalanan yang panjang sebelum dapat menyaksikan kehadiran kapal selam tersebut yang merupakan aset negara paling strategik hari ini, malah kewujudannya amat bermakna kepada negara yang baru sahaja menyambut ulang tahun kemerdekaan negara ke-50.

"Kita amat bangga dengan adanya kapal selam yang canggih ini apatah lagi kira-kira 36 jam lalu, Malaysia baru sahaja mencatat sejarah apabila angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor kembali ke Bumi dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS)," katanya.

Nama Tunku Abdul Rahman dipilih daripada sebanyak 801 cadangan nama daripada lebih 3,000 rakyat Malaysia yang menyertai pertandingan menamakan kapal selam tersebut sebelum ini.

Najib menjelaskan, pembelian Scorpene merupakan sebahagian usaha kerajaan bagi

memodenkan ATM yang dipercayai mampu menyumbang ke arah menghasilkan kemampuan yang seimbang dalam pasukan angkatan tentera.

Dalam hubungan ini, katanya, kerajaan Malaysia amat mengalu-alukan penglibatan Kementerian Pertahanan Perancis untuk menyertai usaha membangunkan industri tersebut terutama dalam konteks pembaikan dan penyelenggaraan kapal selam secara aktif.

Malaysia membeli dua kapal selam jenis Scorpene pada tahun 2002 yang dibina DCNS dan rakan kongsi dari Sepanyol, Navantia.

Proses penyambungan dua bahagian utama badan kapal selam pertama dilakukan pada 14 Mac lalu di sini manakala penyambungan kapal selam kedua dimulakan 24 Julai lalu di Cartagena, Sepanyol.

- Utusan